

ISNIN (23/6/14)

UMP pupuk budaya kerja selamat

UMI Pahang
m/s 31

KUANTAN 22 Jun - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan seminar Pembangunan dan Kelestarian Budaya Keselamatan Malaysia yang berlangsung di sebuah hotel di sini baru-baru ini.

Program tersebut yang turut mendapat kerjasama daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) itu dirasmikan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Datuk Ir. Dr. Johari Basri dan turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datuk Dr. Mortaza Mohamed.

Lebih 200 peserta hadir dalam seminar yang membincangkan tentang mengurangkan risiko terhadap pekerja, harta benda serta persekitaran termasuk membangunkan teknik pembudayaan kerja selamat tersebut.

Mortaza berkata, seminar itu merupakan medium terbaik dalam mempromosikan budaya kerja selamat yang menyediakan platform penglibatan intelektual selaras dengan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia 2015 (OSH-MP 15).

"Dalam usaha membudayakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) ini, UMP menganjurkan pelbagai program sama ada pada peringkat universiti sehinggalah ke peringkat komuniti dengan pelbagai pendekatan.

"Universiti ini juga turut menggembeng tenaga dengan pengamal-pengamal OSH dari organisasi luar termasuk Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Perkeso, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pelbagai industri terutama di sekitar pantai timur," katanya ketika berucap dalam majlis tersebut.

Menurutnya, pertumbuhan ekonomi negara yang memberangsangkan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan perkembangan industri dalam pelbagai sektor dan setiap organisasi itu berperanan untuk memastikan persekitaran kerja sentiasa sihat serta selamat.

Dalam pada itu, beliau berkata, program tersebut mendapat pengiktirafan daripada dua badan profesional iaitu JKKP dan Lembaga Pembangunan Industri Permintaan Malaysia (CIDB).